

Kelulusan Khas Pembayaran Melalui Invois Tanpa PT

Soalan 1 : Apakah yang dimaksudkan dengan Kelulusan Khas Pembayaran Melalui Invois Tanpa PT

Jawapan :

Modul Pembayaran Invois Tanpa PT adalah bagi pembayaran yang tidak melibatkan Pesanan Kerajaan dan Kontrak. Contohnya utiliti, saguhati dan pelbagai bayaran balik.

Semua perolehan kerajaan hendaklah dilakukan melalui sistem e-Perolehan dan modul pesanan kerajaan iGFMAS. Pembayaran melalui invois tanpa PT bagi perolehan kerajaan hanya boleh dilakukan sekiranya mendapat kelulusan khas daripada Kementerian Kewangan atau Pejabat Perakaunan.

Soalan 2 : Apakah situasi yang membenarkan pembayaran perolehan bekalan dan perkhidmatan dilakukan melalui Invois Tanpa PT

Jawapan :

PK 5.1 menyatakan bahawa semua urusan perolehan bekalan dan perkhidmatan bukan perunding Kerajaan Persekutuan hendaklah dilaksanakan melalui Sistem e-Perolehan secara atas talian sepenuhnya. Sebarang pengecualian daripada penggunaan sistem e-Perolehan hendaklah mendapat kelulusan khas daripada Kementerian Kewangan.

Pembayaran perolehan hanya boleh dilakukan melalui modul invois tanpa PT bagi Pesanan Kerajaan dan Kontrak yang telah selesai dibuat tanggungan tetapi menghadapi masalah pembayaran.

Soalan 3 : Pesanan Kerajaan melalui Sistem e-Perolehan telah dibatalkan oleh sistem disebabkan pembekal tidak memberi maklumbalas dalam tempoh 14 hari, bolehkah pihak kami memohon kelulusan pembayaran melalui modul invois tanpa PT ?

Jawapan :

Tidak. Pihak tuan perlu melakukan semula proses penjanaaan Pesanan Kerajaan (PO) daripada awal. Adalah menjadi tanggungjawab pihak tuan untuk sentiasa berhubung dengan pihak pembekal bagi memastikan tindakan dilaksanakan dalam tempoh yang telah ditetapkan. Sila catat nombor rujukan dan tarikh PO asal di ruangan perihal bayaran bagi mengelakkan PO anda dikuiiri oleh pihak Pejabat Perakaunan.

Soalan 4 : Kontrak pembekal telah tamat dan proses pembayaran tidak dapat diteruskan di dalam sistem e-Perolehan. Bolehkah pihak kami memohon kelulusan pembayaran melalui modul invois tanpa PT kepada Pejabat Perakaunan?

Jawapan :

Pihak PTJ perlu mengemukakan permohonan kelulusan pembayaran kepada Kementerian Kewangan menggunakan sistem eGPA melalui kementerian masing-masing.

Soalan 5 : Pembekal telah tersilap mengunci masuk maklumat invois ke dalam sistem e-Perolehan dan menyebabkan amaun pembayaran telah terkurang.

Jawapan :

Adalah menjadi tanggungjawab pihak tuan untuk menyemak dengan teliti ketika menerima Pesanan Penghantaran dan sebelum membuat Padanan Bayaran bagi memastikan semua amaun adalah betul dan tepat. Sekiranya amaun tidak tepat, padanan bayaran tidak perlu dibuat dan pembekal perlu dimaklumkan untuk membuat pembetulan. Pihak pembekal perlu membatalkan invois dan delivery order (DO) dan membuat semula DO dan invois dengan amaun yang betul.

Soalan 6 : Apakah dokumen yang perlu dikemukakan bagi permohonan kelulusan invois tanpa PT

Jawapan :

Dokumen yang diperlukan adalah

- a) Surat iringan
- b) Salinan Pesanan Kerajaan / tanggungan kontrak
- c) Salinan arahan pembayaran
- d) Salinan Invois manual daripada pembekal
- e) Salinan maklumat/penyata bank pembekal
- f) Log aduan eP / iGFMAS
- g) Diari pengesanan Sistem ePerolehan
- h) Lain-lain dokumen berdasarkan kes

Soalan :

Apakah yang perlu dilakukan setelah kelulusan diperolehi.

Jawapan :

Kunci masuk pembayaran melalui Modul Invois Tanpa PT di Arahkan Pembayaran Tanpa Pesanan Kerajaan dengan mencatat nombor rujukan dan tarikh surat kelulusan di ruangan perihal bayaran.